

# PAKEJ TEKNOLOGI CILI



Jabatan Pertanian Malaysia  
Wisma Tani, Aras 17,  
No 30, Persiaran Perdana, Presint 4,  
62624 Putarajaya.

Tel: 03-8870 3000

Fax: 03-8888 5069

Website: <http://www.doa.gov.my>

ISBN 978-983-047-131-0



9 789830 471310

# PAKEJ TEKNOLOGI CILI




© Jabatan Pertanian Malaysia 2007

# Pakej Teknologi Cili



2007



No. Bk 42/08.07/5R

Cetakan Pertama 2007

© Hak Cipta Jabatan Pertanian

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenar mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa carapun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia.

Manuskrip terbitan ini disediakan oleh Bahagian Hortikultur (Seksyen Sayur-sayuran). Konsep persembahan, suntingan dan grafik disediakan oleh Seksyen Komunikasi.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan - dalam - Penerbitan

Pakej teknologi cili.

Bibliografi: ms. 35

ISBN 978-983-047-131-0

1. Hot peppers--Planting

633.84

Harga: RM 7.00



# Kandungan

	Muka Surat
PENDAHULUAN	1
1. PENGENALAN	2
2. BOTANI TANAMAN	3
3. KULTIVAR-KULTIVAR YANG DISYORKAN	4
4. KEPERLUAN ASAS TANAMAN	4
4.1 Faktor Iklim	4
4.2 Faktor Tanah	4
4.3 Pengapuran	5
5. AMALAN KULTUR	6
5.1 Program Kerja	6
5.2 Penyediaan Anak Benih	6
5.3 Penyediaan Kawasan	8
5.4 Penanaman di Ladang	8
5.5 Menyulam / Menyediakan Sokongan	9
5.6 Pembajaan	9
5.7 Pengurusan Air	9
6. PENGURUSAN MAKHLUK PEROSAK	11
6.1 Kawalan Serangga Perosak	11
6.2 Kawalan Penyakit	14
6.3 Kawalan Rumpai	16
7. KEMATANGAN DAN PENGUTIPAN HASIL	17
7.1 Indeks Kematangan	17
8. PENGENDALIAN LEPAS TUAI	18
9. ANALISA KEWANGAN	19
9.1 Kos Pengeluaran	19
9.2 Daya Maju Penanaman Cili	19
LAMPIRAN I	22
LAMPIRAN 2	24
RUJUKAN	35
PENGHARGAAN	36



## Gambar Rajah & Jadual

### Senarai Gambar Rajah

Gambar Rajah 1:	Penyediaan Anak Benih Dengan Semaian Batas	7
Gambar Rajah 2:	Rekabentuk Sistem Parit Ladang Yang Disyorkan	10

### Senarai Jadual

Jadual 1:	Keluasan Penanaman Cili di Negeri-negeri di Malaysia (ha)	2
Jadual 2 :	Zat Pemakanan Cili	2
Jadual 3 :	Ciri-ciri Kultivar Cili	3
jadual 4 :	Faktor-faktor Tanah Dan Kesesuaian Untuk Tanaman Cili	4
Jadual 5 :	Keperluan Kapur	5
Jadual 6 :	Pengurusan Pembajaan Cili Bersungkupan Plastik Mengikut Jenis Tanah	8
Jadual 7 :	Spesifikasi Sistem Parit Ladang	9
Jadual 8 :	Jenis-jenis Rumpai Di Kawasan Cili	15
Jadual 9 :	Indeks Kematangan Cili	16
Jadual 10:	Anggaran Kos Pengeluaran Cili Seluas Satu Hektar	18
Jadual 11:	Anggaran Pendapatan Petani, Pulangan Dan Harga Pulangan Modal	19

Buku ini mengandungi teknologi tanaman cili yang disyorkan oleh Jabatan Pertanian meliputi keperluan asas tanaman, amalan kultur, pengurusan perosak dan pengendalian lepas tuai. Aliran kewangan tanaman disertakan bagi membantu pengusaha untuk menilai daya maju tanaman tersebut.

Buku ini diterbitkan sebagai rujukan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam perkhidmatan pengembangan dan perundingan. Di samping itu buku ini juga boleh digunakan oleh pengusaha-pengusaha sebagai panduan dalam penanaman cili.





## I. PENGENALAN

Cili ialah sejenis sayuran berbuah yang popular di kalangan penduduk Malaysia. Ia dipercayai berasal dari Mexico dan Amerika Selatan, tetapi sekarang ditanam di semua negeri beriklim tropika. Cili yang dikenali juga sebagai lada atau cabai, kebanyakannya ditanam di kawasan tanah rendah.

Di Semenanjung Malaysia, kawasan-kawasan pengeluar utama cili ialah Perak, Johor dan Kelantan. Jumlah keluasan dan pengeluaran cili bagi negeri-negeri di Malaysia bagi tempoh 2003-2005 adalah seperti yang tercatat di **Jadual 1**.

**Jadual 1 : Jumlah keluasan dan pengeluaran cili di Malaysia  
( Tahun 2003 - 2005 )**

Negeri	2003		2004		2005	
	Keluasan (Ha)	Pengeluaran (Tan)	Keluasan (Ha)	Pengeluaran (Tan)	Keluasan (Ha)	Pengeluaran (Tan)
Johor	670	8,905	681	9,429	659	8,615
Kedah	94	1,228	172	1,821	172	1,821
Kelantan	437	5,282	352	5,058	512	6,985
Melaka	62	861	97	1,827	98	1,827
Negeri Sembilan	19	187	33	330	53	677
Pahang	188	2,062	217	2,480	151	2,016
Perak	244	3,243	148	2,042	126	1,395
Perlis	17	84	9	103	9	23
Pulau Pinang	46	687	58	289	55	277
Selangor	58	608	56	584	50	551
Terengganu	157	1,272	100	822	142	704
<b>Semenanjung Malaysia</b>	<b>1,992</b>	<b>24,419</b>	<b>1,923</b>	<b>24,785</b>	<b>2,027</b>	<b>24,891</b>
Sabah	65	587	132	1,730	131	1,961
Sarawak	80	703	122	1,111	168	1,406
WP Labuan	0	0	0	0	0	0
<b>Malaysia</b>	<b>2,137</b>	<b>25,709</b>	<b>2,177</b>	<b>27,626</b>	<b>2,326</b>	<b>28,258</b>

*Sumber: Jabatan Pertanian*



**Jadual 2: Zat pemakanan cili  
(bagi setiap 100 gm yang boleh dimakan)**

Kandungan	Jumlah
Protein (gm)	2.8
Karbohidrat (gm)	9.5
Lemak (mg)	0.7
Serabut (gm)	0
Kalsium (mg)	15.0
Besi (mg)	1.8
Fosforus (mg)	80.0
Kalium(mg)	0
Natrium (mg)	0
Karotena beta (ug)	2730.0
Vit. B1 (mg)	0.2
Vit. B2 (mg)	0.1
Vit. C (mg)	175.5
Niacin (mg)	0.7

Sumber: MARDI - Panduan Pengeluaran Sayur-sayuran (1990)



Cili mengandungi zat pemakanan seperti di dalam **Jadual 2**. Di antara zat makanan yang banyak terdapat pada cili ialah karbohidrat (9.5 gm). Hasil cili boleh dipasarkan sebagai cili segar (hijau atau merah) atau diproses dalam bentuk cili kering, cili boh, cili jeruk, serbuk cili dan sos cili. Oleh kerana cili mengandungi bahan perasa pedas iaitu 'capsaicin', sayur ini sangat popular digunakan sebagai bahan perasa pedas dalam kebanyakan jenis makanan terutama 'sambal belacan'.

## 2. BOTANI TANAMAN

Nama saintifik bagi cili ialah *Capsicum annum* Linn. Nama biasa ialah cili merah, cili hijau, cili, lada dan cabai.

Cili adalah sejenis tanaman yang tumbuh menegak dan mempunyai ciri-ciri morfologi seperti berikut:

Akar	Mempunyai sistem akar tunjang dan akar serabut.
Batang	Bercabang dan berwarna hijau. Buku batang berwarna hijau atau ungu bergantung kepada kultivar cili.
Daun	Berwarna hijau muda ke hijau tua dan berbentuk <i>broad ovate</i> . Saiz daun dari kecil ke sederhana besar bergantung kepada kultivar.
Bunga	Mempunyai 5 petal berwarna putih, keluar dari ketiak daun, bentuk <i>pendant</i> .
Buah	Berbentuk tirus ( <i>elongated</i> )
Biji	Berwarna kuning dan beratnya 3.5 - 5.0 gm/1,000 biji.
Cara Pendebungaan	Persenyawaan sendiri ( <i>self-pollinated</i> ). Walau bagaimanapun persenyawaan silang juga berlaku sehingga 30 %.

### 3. KULTIVAR-KULTIVAR YANG DISYORKAN

Terdapat beberapa kultivar cili yang ditanam di Malaysia seperti MC 11, MC 12, Bangi, Kulai dan jenis hibrid. Jenis cili kulai adalah di antara jenis yang popular ditanam kerana ketahanan pada penyakit, hasil yang sederhana tinggi dan rasanya pedas dan disukai ramai. Di antara ciri-ciri kultivar tersebut adalah seperti di dalam **Jadual 3**.

**Jadual 3 : Ciri-ciri kultivar cili**

Kultivar	Ciri-ciri
MC 11	Tinggi pokok 80 - 110 cm, panjang buah 8 - 10 cm, berat buah 7 - 10 gm/biji, rasanya pedas. Rentan pada antraknos dan virus serta tahan sedikit pada Choanephora. Pungutan hasil sebanyak 17 - 24 tan/ha.
MC 12	Tinggi pokok 60 - 80 cm, panjang buah 10 - 13 cm, berat buah 12 - 14 gm/biji, rasanya pedas. Rentan pada antraknos, Choanephora dan virus. Pungutan hasil 15 - 29 tan/ha.
Kulai	Tinggi pokok 70 - 80 cm, panjang buah 10 - 15 cm, berat buah 10 - 15 gm/biji. Rasanya sangat pedas. Sederhana tahan kepada antraknos dan virus. Tahan kepada layu bakteria. Pungutan hasil sebanyak 15 - 20 tan/ha.

### 4. KEPERLUAN ASAS TANAMAN

#### 4.1 Faktor Iklim

Cili sesuai ditanam pada suhu 20° - 30°C dengan taburan hujan di antara 1,500 - 2,000 mm setahun. Sekiranya air dapat dibekalkan, penanaman pada musim kemarau juga dapat memberikan hasil yang memuaskan.

#### 4.2 Faktor Tanah

Cili sesuai ditanam di kebanyakan jenis tanah termasuk tanah gambut dan tanah pasir (tanah BRIS dan tanah bekas lombong). Nilai pH tanah yang sesuai untuk tanaman ini adalah 5.5 - 6.8. Keperluan topografi, tekstur dan struktur tanah bagi tanaman cili adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4:**  
**Sifat-sifat tanah dan kesesuaian untuk tanaman cili**

Sifat Tanah	Kesesuaian Untuk Cili	
	Sesuai	Sederhana Sesuai
Kecerunan	0 - 6°	-
Saliran	Tak sempurna sehingga salir	Kurang salir dan sangat salir ke tersangat salir
Kedalaman tanah yang berkesan	> 25 cm	-
Tekstur dan struktur	Selain dari pasir dan lempung tak berstruktur	Pasir dan lempung tak berstruktur
Kemasinan	< 1 dS/m	1 - 2 dS/m
Kedalaman lapisan asid sulfat	> 50 cm	0 - 50 cm
Ketebalan gambut	Tidak menjadi halangan	-
Kandungan batu	Tiada halangan batu di permukaan 25 cm	-
Ketidak seimbangan nutrien	Tiada keracunan nutrien mikro dan Keupayaan Pertukaran Kation (KPK) melebihi 10 cmol (+)/kg tanah	Keupayaan Pertukaran Kation (KPK) kurang dari 10 cmol (+)/kg tanah

*Sumber : Diubahsuai daripada Wong I.F.T. (1986 )*

### 4.3 Pengapuran

Aktiviti pengapuran perlu dijalankan kerana kebanyakan tanah di Malaysia adalah berasid dengan nilai pH 4.2 – 4.8. Nilai pH yang kurang daripada 4.2 akan memberi kesan kepada pertumbuhan pokok secara langsung. Apabila nilai pH rendah, kepekatan ion H<sup>+</sup> boleh menjejaskan penyerapan kation oleh akar. Oleh itu pertumbuhan pokok cili akan terencat sekiranya ditanam di tanah berasid.

Ini adalah berkaitan dengan ketepuan aluminum pada partikel tanah. Tanah berasid atau pH rendah boleh menyebabkan pokok mengalami keracunan aluminum (Al), keracunan mangan (Mn) dan kekurangan unsur makro seperti kalsium (Ca), magnesium (Mg), kalium (K) dan unsur mikro seperti kuprum (Cu), boron (B) dan zink (Zn).

Pengapuran biasanya dilakukan semasa pembajakan supaya ianya boleh digaulkan ke dalam tanah. Pengapuran perlu dilakukan sekurang-kurangnya 1 - 2 minggu sebelum kerja penanaman dijalankan. Bagi kawasan baru dibuka (selain dari tanah gambut dan tanah asid sulfat), kapur pada kadar 3 - 5 tan/ha adalah disyorkan untuk kebanyakan tanah di Malaysia. Sebagai panduan, bagi membaiki keadaan pH tanah, kadar kapur GML yang perlu digunakan adalah sebagaimana ditunjukkan di dalam **Jadual 5**.

**Jadual 5:**  
**Kadar keperluan kapur tanah**

Nilai pH	Kadar Pengapuran (tan/hektar)
> 5.5	-
5.0 - 5.5	2.5
4.5 - 5.0	5.0
<4.5	7.5*

*\* 7.4 tan/ha untuk 2 kali pengapuran*

Bagi tanah-tanah selain tanah gambut dan tanah asid sulfat, pengapuran boleh dilakukan setahun sekali. Walau bagaimanapun, tanah gambut dan tanah asid sulfat di mana masing-masing pH < 4.5 dan pH < 3.5, pengapuran sebaiknya dilakukan 2 kali setahun. Kapur tidak diperlukan apabila pH tanah melebihi 5.5.

## 5. AMALAN KULTUR

Amalan kultur merupakan salah satu aspek utama dalam amalan pertanian yang baik (APB) bagi mengawal dan mengurangkan hazard, risiko dan impak negatif terhadap aktiviti pengeluaran pertanian. Sistem pengurusan ini melibatkan pengurusan tanah, input pertanian dan aktiviti di ladang yang menjurus kepada aktiviti APB dalam satu-satu kawasan untuk meningkatkan produktiviti ladang yang berkualiti, selamat dimakan, melindungi pekerja dan alam sekitar ke arah pembangunan pertanian lestari.

### 5.1 Program Kerja

Semua aktiviti yang terlibat dalam penanaman cili ditunjukkan di dalam program gerak kerja di Lampiran 1.

### 5.2 Penyediaan Anak Benih

Biji benih yang bermutu tinggi perlu digunakan. Sejumlah 300 - 500 gm biji benih diperlukan untuk sehektar penanaman. Biji benih dirawat dengan racun kulat thiram 3 gm/l, 1,000 gm benih. Rawatan dengan merendamkan biji benih ke dalam larutan 10 % TSP (Tri Sodium Phosphate) selama 30 minit dapat membantu dalam pencegahan penyakit virus. Biji benih disemai sekurang-kurangnya 6 minggu sebelum menanam. Anak benih perlu disemai di bawah jaring kalis serangga.




Terdapat tiga cara penyediaan anak benih yang disyorkan, iaitu:-

**i) Semaian Batas**

Batas berukuran 1 m lebar, 15 cm tinggi dan panjang mengikut ukuran yang dikehendaki disediakan dengan menggunakan tanah campuran 7:3:2 (tanah:bahan organan:pasir).

Semai biji benih sedalam 0.5 cm dalam jalur berjarak 5 cm. Kemudian tabur tanah kering yang halus sepanjang jalur untuk menutup biji benih. Selepas itu siram batas dan dirikan teduhan plastik yang lutsinar. Jarangkan anak pokok (5 cm antara pokok) 10 - 14 hari selepas menyemai.

**Gambar rajah 1:  
Penyediaan anak benih dengan  
semaian batas**



**ii) Semaian Polibeg**

Polibeg berukuran 10 cm x 15 cm diisi dengan tanah campuran. Tanam 2 - 3 biji benih sedalam 0.5 cm. Penjarangan dilakukan apabila anak benih mempunyai 2 - 3 helai daun. Tinggalkan satu pokok setiap polibeg. Letak polibeg di tempat teduh yang didirikan daripada plastik lutsinar dan jaring kalis serangga. Anak benih yang disemai di dalam polibeg boleh disimpan di dalam rumah semaian sehingga 6-8 minggu sebelum dialih ke ladang.

**iii) Semaian Kotak**

Cara ini menggunakan bekas-bekas semaian untuk membesarkan anak benih. Bekas semaian yang digunakan hendaklah mempunyai lubang untuk pengaliran air yang berlebihan di bahagian bawahnya. Di antara kotak semaian yang sesuai termasuklah pasu kertas dan kotak semaian plastik berbilang sel. Disyorkan supaya mengguna kotak semaian yang mempunyai 82 atau 104 sel atau lubang.

Kaedah semaian kotak memudahkan proses pengubahan anak benih di ladang dengan menggunakan jentera atau secara manual. Media tanaman yang digunakan ialah campuran tanah dan sekam padi bakar pada kadar 1:1. Anak benih boleh dipindahkan ke ladang selepas 3-6 minggu disemai.



Anak benih



Dulang semaian berlubang 104



Dulang semaian berlubang 82

Biji benih disemai di dalam kotak semaian sedalam 0.5 cm. Kotak-kotak semaian diatur di atas meja panjang di dalam bangsal semaian. Bangsal ditutup dengan kepingan plastik untuk melindungi benih dari hujan lebat. Manakala dinding bangsal ditutup dengan jaring kalis serangga. Penyiraman dilakukan setiap hari dengan sistem pengairan semburan halus.

Di peringkat semaian, anak benih disemur dengan baja daun pada minggu kedua selepas disemai. Sembur racun amitraz bergilir dengan imidacloprid setiap 7 hari untuk mengawal vektor virus cili. Semburan dihentikan pada peringkat anak benih sedia untuk diubah ke ladang.

### 5.3 Penyediaan Kawasan

Penyediaan kawasan merangkumi kerja-kerja pembersihan tanah, pembajakan dan pembinaan batas. Tanah dibajak dan digembur sedalam 15 - 22 cm. Aktiviti penyediaan tanah ini memberi keadaan fizikal yang baik untuk pembesaran pokok cili di samping menolong mengurangkan populasi rumpai dengan memusnah dan membenamkan rumpai yang hidup ke dalam tanah. Batas dibuat selebar 1.2 m dan tinggi 20 - 30 cm. Jarak antara tengah batas disyorkan 150 cm.



Bagi tanah masam, pengapuran hendaklah dilakukan tidak kurang daripada 14 hari sebelum menanam. Secara umumnya 20 - 25 t/ha kapur diperlukan bagi tanah gambut kawasan baru, 2 - 3 t/ha tanah pasir dan 3 - 4 t/ha bagi tanah mineral. Pengapuran dilakukan semasa kerja pembajakan dijalankan supaya kapur boleh digaulkan ke dalam tanah.

Selepas menabur baja organik semasa pembajaan asas, batas hendaklah ditutup dengan plastik lutsinar untuk kawalan rumpai dan mengurangkan serangan aphid. Kemudian tebuk lubang di atas plastik lutsinar dengan menggunakan penebuk lubang khas. Jarak di antara lubang ialah 90 cm di dalam satu barisan.

### 5.4 Penanaman di Ladang

Anak benih ditanam ke ladang selepas 6 minggu di tapak semaian dengan memilih anak benih yang sihat dan subur sahaja. Sebelum mengubah, anak benih perlu melalui proses pengerasan dengan cara mendedharkannya kepada cahaya matahari secara beransur-ansur. Bagi anak benih dari semaian batas, batas perlu disiram terlebih dahulu untuk memudahkan anak benih dicabut dan mengurangkan kerosakan pada sistem akar. Kerja-kerja mengubah dilakukan semasa cuaca redup atau pada waktu petang diikuti dengan siraman air. Jarak tanaman yang disyorkan ialah 90 cm dalam baris. Pokok cili ditanam secara sebaris dalam setiap batas.



Bagi menghalang serangan musuh dan penyakit, sistem tanaman giliran perlu diamalkan. Secara umumnya elakkan menanam cili di kawasan yang mana tanaman dari keluarga Solanaceace telah ditanam pada musim sebelumnya.

### 5.5 Menyulam/Menyediakan Sokongan

Satu minggu selepas menanam, anak benih yang mati atau kurang sihat perlu disulam. Satu bulan selepas ditanam di ladang, sokong anak pokok dengan pancang kayu atau buluh untuk mengelakkan pokok tumbang.



### 5.6 Pembajaan

Pengurusan pembajaan cili adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6:**  
Pengurusan pembajaan cili bersungkupan plastik mengikut jenis tanah

Jenis Tanah	Masa Membaja (Minggu)	Jenis Baja	Kadar	Cara Membaja
Tanah Mineral	- 1* (sebelum tanam) 2,8 dan 14	Baja organik (tahi ayam) Baja NPK 12:12:17:2	3.5 tan/ha 1.5 tan/ha	Dibubuh ke dalam tanah di atas batas. Tabur keliling pokok.
Tanah BRIS	- 1* (sebelum tanam) 2,8 dan 14	Baja organik (tahi ayam) Baja NPK 12:12:17:2	10 - 20 tan/ha 2 - 3 tan/ha	Dibubuh ke dalam tanah di atas batas. Tabur keliling pokok.
Tanah Organik	2,8 dan 14	Baja NPK 12:12:17:2	1.2 tan/ha	Tabur keliling pokok.

*Nota : \* Satu minggu sebelum menanam*

### 5.7 Pengurusan Air

Pengairan boleh dilakukan dengan menyiram atau menggunakan sistem pengairan renjis. Sistem pengairan renjis mempunyai kecekapan pengairan 65 - 75% dan keperluan tenaga kerja yang rendah. Kos bahan bagi sistem ini adalah di antara RM 10,000 - RM 12,000 sehektar. Jenis perenjis yang sesuai digunakan mempunyai julat tekanan operasi yang rendah, 1.5 - 2.5 kg/cm<sup>2</sup> dengan kadar alir perenjis 0.3 - 1.0 liter/saat dan garis pusat siraman liputan 25 - 30 m. Keperluan air harian adalah 3.5 liter untuk pokok matang.




Perparitan diperlukan bagi kawasan yang menghadapi masalah saliran. Parit ladang dibina untuk menyalirkan air berlebihan ke parit utama. Spesifikasi sistem parit ladang adalah seperti di **Jadual 7** dan reka bentuknya adalah seperti **Gambar Rajah 2**.



Jadual 7: Spesifikasi sistem parit ladang

Jenis Tanah	Jarak di Antara Parit	Cerun Tebing	Kedalaman (m)	Lebar Bawah (m)	Kepadatan Parit (m/ha)
Lom berpasir	175 - 200	1 : 1	0.90	1.2	50
Lempong dan kelodak	60 - 80	0.5 : 1	0.75	0.5	125
Organik	40 - 60	0.25 : 1	1.20	0.3	170

Gambar Rajah 2: Rekabentuk sistem parit ladang yang disyorkan



## 6. PENGURUSAN MAKHLUK PEROSAK

Pendekatan yang paling praktikal dalam pengurusan perosak adalah secara Pengurusan Perosak Bersepadu (PPB) yang juga merupakan objektif utama dalam Amalan Pertanian Baik (APB). Walaupun penggunaan racun kimia merupakan suatu kaedah yang popular namun ianya digunakan sebagai pilihan terakhir dalam PPB (Lampiran 2), sebaliknya ia lebih menekankan kepada gabungan semua teknik kawalan yang serasi dan mesra alam dengan mengambilkira faktor ekologi, biologi dan amalan agronomi seperti menggunakan musuh semulajadi, varieti rintang, rumah jaring dan kaedah kuarantin.

### 6.1 Kawalan Serangga Perosak

Serangga yang biasa menyerang pokok dan buah cili adalah seperti berikut:

(i) Nama perosak	: Kutu Daun ( <i>Aphis</i> spp.)
Bahagian diserang	: Daun, bunga dan buah muda.
Peringkat pokok diserang	: Semua peringkat.
Simptom	: Daun menjadi kerekot, bunga gugur dan buah terbantut.
Kawalan	: Sembur dengan chlorpyrifos atau imidacloprid mengikut kadar yang disyorkan selepas anak benih ditanam ke ladang jika perlu.
Selepas 2.5 bulan di ladang, jika serangan virus melebihi 20 % sembur dengan racun serangga seperti chlorpyrifos, cypermethrin, deltamethrin, dimethoate atau imidacloprid untuk kawalan vektor.	



Aphid dewasa



Serangan aphid pada daun



Simptom serangan virus

(ii) Nama perosak	: Kutu Trips ( <i>Thrips</i> spp.)
Bahagian diserang	: Daun dan bunga.
Peringkat pokok diserang	: Semua peringkat.
Simptom	: Daun menjadi kerekot dan bunga gugur.
Kawalan	: Sembur dengan racun serangga seperti chlorpyrifos, cypermethrin, deltamethrin, dimethoate atau imidacloprid mengikut kadar dan kekerapan yang disyorkan sehingga pokok berumur 2.5 bulan.

Selepas pokok berumur 2.5 bulan jika serangan virus melebihi 20 % sembur racun serangga seperti cypermethrin, deltamethrin atau imidacloprid untuk kawalan vektor.



Thrip dewasa



Kesan serangan thrip

(iii) Nama perosak	: Ulat Pengorek Buah ( <i>Helicoverpa armigera</i> ).
Bahagian diserang	: Daun dan buah.
Peringkat pokok diserang	: Peringkat berbuah.
Simptom	: Daun dan buah berlubang-lubang.
Kawalan	: Sembur dengan racun serangga seperti chlorpyrifos, cypermethrin, lambda-cyhalothrin, lufenuron, emamectin benzoate atau deltamethrin jika lebih daripada 5 % buah diserang.



*H. armigera* dewasa



Larva *H. armigera*



Kesan kerosakan

(iv) Nama perosak	: Lalat Buah ( <i>Bactocera</i> spp.).
Bahagian diserang	: Buah.
Peringkat pokok diserang	: Peringkat berbuah.
Simptom	: Terdapat lorong-lorong kecil di dalam buah. Buah jadi busuk dan buah gugur.
Kawalan	: Sembur dengan racun serangga seperti cypermethrin, flufenoxuron atau chlorpyrifos apabila pokok mula berbuah.
	Semburan ' <i>protein bait</i> ' yang dicampur dengan racun perosak ke bahagian daun sebanyak 10 ml sepokok, setiap selang 10 pokok.



Kesan serangan lalat buah (melecur)



Lalat buah dewasa

<p>(v) Nama perosak Bahagian diserang Peringkat pokok diserang Simptom</p> <p>Kawalan</p>	<p>: Hamama Merah (<i>Tetranychus spp.</i>) : Daun dan bunga. : Pokok matang.</p> <p>: Daun berkerekot, bunga gugur dan pokok terbantut.</p> <p>: Sembur dengan racun serangga seperti flufenoxuron, diafenthiuron, amitraz, deltamethrin, malathion atau imidacloprid mengikut kadar yang disyorkan.</p>	 <p><i>Tetranychus spp.</i> dewasa</p>
<p>(vi) Nama perosak Bahagian diserang Peringkat pokok diserang Simptom</p> <p>Kawalan</p>	<p>: Ulat Ratus (<i>Spodoptera exigua</i>) : Daun, buah dan bunga. : Semua peringkat.</p> <p>: Daun menjadi berlubang-lubang hingga tinggal urat daun sahaja. Larva juga memakan buah dan kuntum bunga.</p> <p>: Pungut telur dan larva, musnahkan. Sembur dengan racun seperti methoxyfenozide mengikut kadar yang disyorkan.</p>	 <p><i>S. exigua</i> dewasa      Larva memakan daun      Serangan <i>S. exigua</i></p>
<p>(vii) Nama perosak Bahagian diserang Peringkat pokok diserang Simptom</p>  <p>Kawalan</p>	<p>: Lalat Putih (<i>Aleyrodicus disperses</i> dan <i>Bemisia tabaci</i>) : Daun. : Semua peringkat.</p> <p>: Lalat putih menghisap cairan pada bahagian pokok yang diserang. Serangga ini menyerang secara berkelompok. Serangan lebih ketara pada bahagian daun. Pokok yang diserang akan kehilangan banyak air dan nutrien, menyebabkan pertumbuhannya terjejas. Bahan buangan lalat putih adalah berbentuk rembesan madu dan mudah dijangkiti oleh kulat jelaga hitam. Jelaga hitam pada daun akan menyebabkan proses fotosintesis terhalang dan seterusnya akan menyebabkan pertumbuhan pokok terganggu dan tidak sihat.</p> <p>: Peringkat awal serangan, serangga ini boleh dikawal dengan memangkas bahagian pokok yang diserang dan kemudian musnahkan. Jika serangan serius, buat semburan dengan racun yang sesuai seperti imidacloprid, dimethoate atau thiamethoxam.</p>	

## 6.2 Kawalan Penyakit

Penyakit yang biasa menyerang pokok cili adalah seperti berikut:

- (i) Penyakit : Antraknos buah  
Penyebab : *Colletotrichum capsici*  
Bahagian diserang : Buah  
Cara merebak : Biji benih, angin  
Simptom : Bintik-bintik lekuk dan berpusar, berwarna keperangan terdapat di kulit buah. Lekok-lekok ini akan membesar, menjadi kehitaman dan akhirnya buah busuk dan gugur.

Kawalan : Bagi pencegahan penyakit, rawat biji benih dengan racun kulat yang sesuai mengikut kadar yang disyorkan. Musnahkan buah yang diserang.

Sembur racun kulat seperti mancozeb, chlorothalonil, thiophanate methyl, propineb atau difenoconazole mengikut kadar yang disyorkan.

- (ii) Penyakit : Bintik daun  
Penyebab : *Cercospora capsici*  
Bahagian diserang : Daun dan tangkai daun.  
Cara merebak : Angin.  
Simptom : Terdapat bintik-bintik kecil bulat berwarna perang pada daun.

Kawalan : Musnahkan bahagian yang diserang. Sembur dengan racun kulat chlorothalonil, difenoconazole, propineb, thiophanate methyl atau carbendazim mengikut kadar yang disyorkan.

Amalkan tanaman bergilir dengan sayuran lain.



Bintik daun

- (iii) Penyakit : Hawar pucuk  
Penyebab : *Choanephora cucurbitarum*  
Bahagian diserang : Pucuk.  
Cara merebak : Angin.  
Simptom : Terdapat spora-spora hitam pada pucuk yang berpenyakit. Pucuk menjadi layu dan berwarna hitam.



Hawar pucuk

Kawalan : Rawat biji benih dengan racun thiram atau captan mengikut kadar yang disyorkan. Musnahkan buah yang diserang. Guna racun kulat seperti chlorothalonil, copper hydroxide mengikut kadar yang disyorkan.

(iv)	Penyakit	: Reput pangkal
	Penyebab	: <i>Sclerotium rolfsii</i>
	Bahagian diserang	: Pangkal pokok.
	Cara merebak	: Tanah.
	Simptom	: Daun layu. Terdapat maisilia putih dan sklerotia seperti biji sawi di pangkal pokok. Pangkal pokok dan akar menjadi hitam dan reput
	Kawalan	: Cabut dan bakar pokok yang diserang. Guna racun seperti carbendazim mengikut kadar yang disyorkan.
(v)	Penyakit	: Lecuh anak benih
	Penyebab	: <i>Pythium spp.</i> , <i>Rhizoctonia spp.</i>
	Bahagian diserang	: Batang anak benih.
	Cara merebak	: Tanah dan air.
	Simptom	: Di pangkal anak benih kelihatan seakan-akan lecu. Serangan yang teruk menyebabkan anak benih tumbang.
	Kawalan	: Rawat biji benih dengan racun kulat seperti captan atau thiram mengikut kadar yang disyorkan. Tentukan siraman air tidak berlebihan. Pastikan tapak semaian mempunyai saluran yang baik. Jika terdapat serangan, siram tapak semaian dengan thiram.
(vi)	Penyakit	: Layu bakteria
	Penyebab	: <i>Ralstonia solanacearum</i>
	Bahagian diserang	: Daun dan batang.
	Cara merebak	: Tanah, air dan sentuhan akar.
	Simptom	: Daun layu dan kuning. Empulur berwarna perang kehitaman dan berair. Jika akar atau batang dipotong dan direndam dalam air, ianya mengeluarkan cecair jaluran putih. Akhirnya pokok layu dan mati.
	Kawalan	: Cabut dan bakar pokok berpenyakit. Tentukan saluran yang baik di kawasan kebun. Gilirkan tanaman yang berlainan daripada famili Solanaceae.
(vii)	Penyakit	: Mozek daun
	Penyebab	: Virus mozek (Beberapa jenis seperti CMV, CVMV, TMV dan TWSV).
	Bahagian diserang	: Semua bahagian pokok.
	Cara merebak	: Biji benih, kutu daun sebagai pembawa penyakit.
	Simptom	: Daun berbintik-bintik dan berkerekot. Urat daun membengkak. Pokok terbantut dan kurang berbuah. Buah menjadi kecil dan berubah bentuk.
	Kawalan	: Cabut dan bakar pokok-pokok yang berpenyakit. Elak daripada menggunakan biji benih dari pokok berpenyakit. Jaga kebersihan kawasan dan amalkan tanaman giliran.

Kawal kutu daun dan kutu trips dengan menyembur racun serangga seperti chlorpyrifos, cypermethrin, dimethoate, imidacloprid atau delmethrin. Kawal rumpai yang menjadi perumahannya.

Kawasan yang menggunakan racun perosak boleh menimbulkan kesan sampingan terhadap alam sekitar dan kesihatan pengguna dalam jangka masa panjang. Semburan hendaklah dilakukan secara berhemah. Ikuti arahan pengguna seperti yang disyorkan dan patuhi Tempoh Dilarang Mengutip Hasil (TDMH) yang dinyatakan pada label keluaran racun perosak berkenaan.

### 6.3 Kawalan Rumpai

Racun rumpai pracambah metalachlor boleh digunakan untuk mengawal rumpai di kawasan cili. Rumpai yang tumbuh di atas batas selepas menanam anak benih cili, perlu dicabut dengan tangan atau menggunakan cangkul. Sungkupan yang terdiri dari lalang dan rumput kering yang diletak dipermukaan batas juga dapat menyekat pertumbuhan rumpai. Bagi rumpai yang dijumpai di antara batas, kawal dengan glufosinate-ammonium atau glyphosate mengikut kadar yang disyorkan. Sembur menggunakan alat penyembur bertudung bagi mengelakkan kerosakan pada tanaman.

Satu lagi cara yang berkesan untuk mengawal rumpai ialah dengan menggunakan plastik lutsinar (*silver-shine*) di permukaan batas. Dengan cara ini hanya rumpai di antara batas perlu dikawal. Racun rumpai pracambah tidak diperlukan.

Jenis-jenis rumpai yang biasa terdapat di kawasan cili adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**Jadual 8: Jenis-jenis rumpai di kawasan cili**

Nama Botanical	Nama Biasa	Kumpulan	Keluarga
<i>Imperata cylindrica</i>	Lalang	Rumput saka	Gramineae
<i>Portulaca oleracea</i>	Gelang pasir; Segan	Rumpai daun lebar	Portulacaceae
<i>Oldenlandia dichotoma</i>	Siku-siku	Dikot daun lebar	Rubiaceae
<i>Eleusine indica</i>	Rumput sambau	Rumput tahunan	Gramineae
<i>Mimosa pudica</i>	Semalu	Dikot daun lebar	Leguminosae
<i>Borreria latifolia</i>	Rumput setawar	Dikot daun lebar	Rubiaceae
<i>Cyperus rotundus</i>	Rumput halia hitam	Rusiga	Cyperaceae
<i>Fimbristylis miliacea</i>	Janggut keli	Rusiga	Cyperaceae
<i>Paspalum conjugatum</i>	Rumput kerbau	Rumput saka	Gramineae
<i>Scleria sumatrensis</i>	Sendayan	Rusiga	Cyperaceae
<i>Ischaemum muticum</i>	Sarang buaya; rumput kemarau; rumput tembaga jantan	Rumput saka	Gramineae
<i>Cleome rutidosperma</i>	Maman	Dikot daun lebar	Capparidaceae
<i>Amaranthus spinosus</i>	Bayam berduri	Dikot daun lebar	Amaranthaceae
<i>Pteridium esculentum</i>	Resam jalur	Pakis	Pteridicaceae
<i>Stenochlaena palustris</i>	Paku akar; paku naga	Pakis	Pteridicaceae

## 7. KEMATANGAN DAN PENGUTIPAN HASIL

Cili mula berbunga 60 - 75 hari selepas menanam di ladang. Buah akan masak 30 - 35 hari selepas berbunga. Buah yang masak berwarna merah dan biasanya dipungut secara (manual) setiap 3-4 hari sekali. Tempoh pengeluaran hasil adalah di antara 3 - 4 bulan dari tempoh hari pertama mengutip hasil. Hasil cili bergantung kepada Kultivar yang ditanam.

Peringkat yang sesuai untuk memungut hasil cili bagi kegunaan segar ialah bila buah berwarna hijau tua kemerahan. Manakala bagi cili untuk diproses atau dijadikan cili kering, peringkat yang sesuai untuk dipungut ialah apabila berwarna merah sepenuhnya (rujuk **Jadual 9** yang menunjukkan indeks kematangan cili). Cili dipetik dengan tangan bersama tangkainya sekali. Sebaik-baiknya, kerja-kerja mengutip hasil dilakukan pada waktu atau lewat petang ketika suhu rendah.

**Jadual 9: Indeks kematangan cili**

### 7.1 Indeks Kematangan

